

25/08/2002

Profesor UKM main politik di sidang MAAS

Munysi

PERSIDANGAN antarabangsa berkaitan kepelbagaian agama dalam masyarakat demokratik: Cabaran serta Harapan Amerika Syarikat dan Asia Tenggara di Alaf Baru, anjuran Persatuan Malaysia bagi Pengajian Amerika (MAAS) selama dua hari di ibu negara, berakhir Rabu lalu tanpa dirasmikan atau ditutup menteri Kabinet.

MUNYSI: Mengikut kenyataan MAAS, seorang menteri Kabinet dijadual merasmikan pertemuan itu, tetapi ia hilang serinya apabila yang diundang tidak dapat memenuhi permintaan itu. Namun sidang itu tetap terasa bahangnya apabila pada sesi terakhir, Profesor Dr P Ramasamy dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tiba-tiba bertempik mempersoalkan kewajaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebuah negara Islam.

Dia membantah keras perisytiharan itu yang menurutnya dibuat selepas pertemuan Dr Mahathir dengan Presiden George W Bush di Rumah Putih. Profesor Sains Politik itu selanjutnya mempertikaikan tindakan UKM menghalang persatuan dianggotai penuntut suku kaum menganjurkan persembahan kebudayaan sedangkan kaum majoriti diberikan kebebasan.

Nampaknya profesor `berang' ini tersilap kerana Dr Mahathir menyatakan Malaysia negara Islam lama sebelum bertemu Bush. Malah oleh kerana penghormatan sebagai pemimpin dari negara Islam sederhana inilah, maka Perdana Menteri mendapat undangan khas Bush yang mahu mendengar pandangan beliau berikutan peristiwa 11 September 2001. Sepatutnya penghormatan seperti itu menjadi kebanggaan kita dan bukanlah ia patut dipersendakan sebagaimana dilakukan oleh Ramasamy. Beliau menyifatkan perisytiharan Dr Mahathir itu sebagai `hadiah perpisahan' sebelum Perdana Menteri bersara tahun depan.

Perkara kedua, betulkah UKM menghalang persatuan suku kaum menganjurkan perayaan masing-masing sedangkan Ramasamy sendiri adalah penasihat jawatankuasa penganjur perayaan pesta Ponggal dan Bicara Sastera bagi pelajar India di UKM.

Mengapa seorang profesor sengaja mempersoalkan kewibawaan Dr Mahathir di depan hadirin asing dan cuba menidakkan hakikat UKM mengamalkan dasar terbuka?